

# Keinginan tingkatkan ekonomi

UM 2 JUN 2003

KUALA LUMPUR — Kesungguhan untuk membantu meningkatkan ekonomi orang Melayu mendorong Datuk Dr. Awang Adek Hussin melibatkan diri secara sepenuh masa di dalam politik.

Beliau melepaskan jawatan Penolong Gabenor (Operasi dan Pelaburan) Bank Negara Malaysia pada 5 Jun 2001 semata-mata kerana minat yang mendalam untuk berpolitik.

“Apa yang membuatkan saya mengambil keputusan untuk berkecimpung di dalam bidang politik ialah keinginan untuk meningkatkan taraf ekonomi bangsa Melayu khususnya mereka yang berada Kelantan,” katanya ketika ditemui di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Awang Adek yang sebelum ini lebih dikenali sebagai tokoh korporat buat pertama kalinya menyampaikan ucapan pada Perhimpunan Agung UMNO kali ini.

Beliau yang kini memegang jawatan Bendahari UMNO Kelantan, membahaskan usul ekonomi.

## PERSONALITI

Beliau yang juga Pengerusi Tenaga Nasional Berhad sejak 1 Disember 2002, berkata, beliau ingin meningkatkan kesedaran orang Melayu di Kelantan yang mereka tidak akan keluar daripada belenggu kemiskinan jika masih enggan menerima UMNO.

### Menyokong

“Adalah sesuatu yang menyedihkan bagi saya untuk melihat sebahagian besar daripada warga Kelantan terpaksa meninggalkan negeri mereka sendiri untuk mencari pekerjaan kerana tahap ekonomi yang rendah,” katanya lagi.

Bagaimanapun, kata Awang Adek, isu meningkat-

## Melayu dorong Awang ceburi politik

kan kesedaran rakyat untuk memperbaiki ekonomi mereka dengan menyokong UMNO perlu dilakukan secara berhati-hati dan berhemah.

Beliau menambah, Kelantan yang kaya dengan pelbagai aspek kebudayaan mempunyai potensi untuk menjadi pusat pelancongan yang terkemuka.

Selain mampu meningkatkan pendapatan larikah berkenaan juga dapat memberi peluang pekerjaan kepada sebahagian besar penduduk Kelantan, katanya lagi.

Awang Adek menambah salah satu cara untuk membantu meningkatkan ekonomi orang Melayu ialah dengan berkongsi pengalaman dan pengetahuan beliau di dalam bidang ekonomi.

“Saya ingin gunakan pengalaman saya di dalam bidang ekonomi untuk memberi perangsang dan inspirasi kepada orang Melayu untuk meningkatkan ekonomi dan memajukan diri,” tambah beliau.

Ditanya nasihat beliau kepada mereka yang ingin menceburi bidang ekonomi, beliau berkata, pengeta-

huan yang luas serta belajar daripada pengalaman sendiri dan orang lain adalah antara rahsia kejayaan untuk berjaya.

Selain itu, ingatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya beiwaspada dengan penjajahan semula masyarakat Eropah adalah satu nasihat yang baik untuk memastikan kita tidak melupakan nilai-nilai bangsa dalam mengejar kejayaan.